



13 April 2018
13 April 2018
P.U. (A) 101

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2018

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING) (AMENDMENT) RULES 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 180 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 14 April 2018 kecuali peruntukan yang dinyatakan dalam subkaedah (3).

(3) Peruntukan yang berikut mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020:

(a) perenggan 2(j);

(b) subperenggan 2(a)(i), 2(a)(iii), 2(a)(vi), 2(a)(xiii), 2(a)(xv), 2(a)(xvi), 2(a)(xvii), 2(a)(xix), 2(a)(xx), 2(a)(xxi), 2(a)(xxii), 2(b)(i), 2(b)(iv), 2(b)(vi), 2(b)(xi), 2(b)(xii), 2(b)(xvi), 2(b)(xviii), 2(b)(xx), 2(b)(xxi), 2(d)(vii), 2(e)(viii), 2(g)(i) dan 2(g)(ii); dan

(c) subsubperenggan 2(a)(x)(C), 2(b)(xiv)(C) dan 2(b)(xxii)(C).

Pindaan Jadual Pertama

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [*P.U. (A) 36/2014*], yang disebut Kaedah-Kaedah ibu dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam butiran (A)—

- (i) dalam subbutiran (i), dengan memotong butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“ISO 4427-2 : 2007, AMD 1; 2011	Sistem Perpaipan Plastik – Paip Dan Lengkapan Polietilena (PE) Untuk Bekalan Air – Bahagian 2 : Paip
DIN 8075 : (2011 – 2012)	Paip Polietilena (PE) – Keperluan Am Kualiti Dan Ujian”;

- (ii) dengan menggantikan subbutiran (ii) dengan subbutiran yang berikut:

“(ii) Paip Polietilena Rintangan Suhu Dinaikkan (PE-RT)”;

- (iii) dalam subbutiran (ii), dengan memotong butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“ISO 22391-2: 2009	Sistem Perpaipan Plastik Bagi Pemasangan Air Panas Dan Sejuk – Polietilena Untuk Rintangan Suhu Yang Dinaikkan (PE-RT): Bahagian 2 : Paip”;

- (iv) dengan menggantikan subbutiran (iii) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Butiran	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(iii) Paip Berbilang Lapisan PE-RT/AL/PE-RT	BS EN ISO 21003-2:2008+A1:2011	Sistem perpaipan berbilang lapisan untuk pemasangan air panas dan sejuk dalam bangunan. Paip”;

- (v) dengan menggantikan subbutiran (iv) dengan subbutiran yang berikut:

“(iv) Paip Polietilena Pemasut Silang (PE-X)”;

- (vi) dalam subbutiran (iv), dengan memotong butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“AS/NZS 2492 : 2007	Paip Polietilena Pemasut Silang (PE-X) Bagi Penggunaan Tekanan
ISO 15875-2 : 2003	Sistem Perpaipan Plastik Bagi Pemasangan Air Panas Dan Sejuk – Pemasut Silang Polietilena (PE-X) – Bahagian 2 : Paip”;

- (vii) dengan menggantikan subbutiran (v) dengan subbutiran yang berikut:

“(v) Paip Berbilang Lapisan PE-X/AL/PE-X”;

- (viii) dengan menggantikan subbutiran (vi) dengan subbutiran yang berikut:

“(vi) Paip Berbilang Lapisan Polietilena Aluminium Polietilena (PE-AL-PE)”;

- (ix) dengan menggantikan subbutiran (vii) dengan subbutiran yang berikut:

“(vii) Paip Poli(Vinil Klorida) Tanpa Plastik (PVC-U)”;

- (x) dalam subbutiran (vii)—

(A) dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “MS 628: Part 1: 1999 AMD.1: 2001 dan AMD.2: 2002” dengan perkataan “MS 628-2:2014”;

(B) dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “Spesifikasi Untuk Paip PVC Tanpa Plastik (uPVC) Untuk Bekalan Air : Bahagian 1 : Paip (Semakan Pertama)” dengan perkataan “Sistem perpaipan plastik untuk bekalan air serta perparitan dan pembedungan di dalam tanah dan atas tanah di bawah tekanan –Poli (Vinil Klorida) Tanpa Plastik (PVC-U) -Bahagian 2: Paip (Semakan Kedua) (ISO 1452-2:2009, Mod)”;